

22 OCT 1999

Mahkamah-Anwar (Konspirasi)

ANWAR BERKATA ADA KONSPIRASI DI SEBALIK TUDUHAN LIWAT

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memulakan pembelaan diri dalam perbicaraan liwat terhadapnya dengan mendedahkan nama empat orang yang dikatakan sebagai "kepala konspirator" yang berusaha untuk menjatuhkan beliau.

Mereka yang dinamakan itu ialah Tun Daim Zainuddin, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Tan Sri Rahim Thamby Chik dan Datuk Aziz Shamsuddin.

"Pada peringkat awal mereka ini adalah kepala konspirator. Peringkat kemudiannya ada lagi yang melibatkan jabatan-jabatan dan orang-orang yang diperalatkan," katanya ketika membuat pembelaan diri secara bersumpah pada perbicaraan liwat terhadap beliau dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Anwar dan Sukma dituduh meliwat Azizan Abu Bakar, iaitu bekas pemandu isteri Anwar.

Anwar berkata demikian ketika menjawab pertanyaan peguam belanya Christopher Fernando mengenai nama-nama yang beliau maklumkan kepada Perdana Menteri sebagai terlibat dalam konspirasi untuk menjatuhkannya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga memberikan alasan-alasan mengapa mereka berempat mahu menjatuhkannya.

Sebelum itu, Anwar juga memberitahu mahkamah bahawa beliau pernah memaklumi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai lima pertuduhan rasuah yang dicadangkan oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Anwar berkata beliau mengetahui perkara itu setelah dimaklumkan oleh Peguam Negara.

Mohtar yang mengetuai pasukan pendakwaan bagi kes liwat itu tidak berada dalam mahkamah ketika Anwar memberikan keterangan.

Anwar, 52, dan adik angkatnya Sukma, 38, menghadapi tuduhan bersama meliwat Azizan, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada suatu malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan masa yang sama.

Anwar, saksi pertama pembelaan, yang mula memberikan keterangan pada pukul 10.15 pagi, juga memberitahu mahkamah bahawa alamatnya kini ialah di Penjara Sungai Buloh dan pekerjaannya adalah penganggur.

Keterangan beliau itu disambut dengan ketawa oleh orang awam dalam mahkamah sehingga ditegur oleh hakim dan anggota polis yang bertugas terpaksa memberi amaran kepada mereka.

Mengenai Rahim Thamby Chik, Anwar berkata bekas Ketua Menteri Melaka itu memang aktif dalam merancang konspirasi untuk menjatuhkannya sejak tahun 1997 lagi.

"Saya juga menerima pertuduhan yang dicadangkan terhadap Rahim dari Peguam Negara dalam kes rasuah yang membawa bukti bahawa beliau memegang akaun RM39 juta atas namanya."

"Dokumen itu saya telah merujuknya kepada Perdana Menteri dengan turut mengemukakan pendapat BPR (Badan Pencegah Rasuah) dan Peguam Negara. Seperti juga kes rasuah Rafidah, Perdana Menteri mengetepikannya," kata Anwar.

Anwar berkata tindakan beliau maklumkan perkara itu kepada Perdana Menteri adalah atas permintaan BPR dan Peguam Negara.

"Perkara itu berat tetapi kerana saya mempunyai hubungan yang cukup akrab dengan Perdana Menteri dan saya secara peribadi dan terbuka

melahirkan taat setia kepada beliau tetapi saya tidak ada pilihan, saya terpaksa menyampaikan maklumat itu walaupun tidak disenangi beliau," katanya.

Anwar berkata sebahagian maklumat yang disampaikan kepada Dr Mahathir besertakan dokumen yang diberikan oleh Peguam Negara.

Kes pertama yang dikemukakan adalah kes Rafidah yang beliau terpaksa memberitahu Perdana Menteri demi menjaga imej dan kredibiliti serta moral Jabatan Peguam Negara dan BPR.

"Peguam Negara meminta jasa baik saya tetapi saya menjadi mangsa akibat jasa baik saya," katanya.

Beliau berkata BPR dan Peguam Negara tidak dapat meneruskan keputusan mereka untuk mendakwa kerana tidak dipersetujui oleh Perdana Menteri.

Mengenai Tun Daim yang sekarang ini Menteri Kewangan Pertama, Anwar berkata Daim masih meminta Datuk Mustapa Mohamed membawa fail-fail perbendaharaan ke pejabat Daim walaupun pada masa itu jawatan Menteri Kewangan dipegang olehnya (Anwar).

"Saya melarangnya dan melaporkan kepada Perdana Menteri," kata Anwar yang menjelaskan bahawa beliau juga memperolehi dokumen yang menunjukkan Daim menerima saham dan wang tunai lebih daripada RM600 juta daripada tiga tokoh korporat.

Anwar mendakwa wang berkenaan diberikan kepada Daim semasa beliau (Daim) menjadi Menteri Kewangan dan perkara itu telah dimaklukkannya kepada Dr Mahathir dan menurut Anwar Perdana Menteri, seperti biasa, mengetepikannya.

Beliau kemudian menamakan ketiga-tiga tokoh korporat itu setelah dibenarkan oleh Mahkamah untuk membuktikan teori konspirasi pembelaan dalam kes itu. Mereka ialah Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Wan Azmi Hamzah dan Tan Sri Tajuddin Ramli.

Bagaimanapun, Anwar berkata tiada sebarang tindakan diambil oleh Perdana Menteri.

Mengenai Megat Junid, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Anwar berkata beliau telah meminta Perdana Menteri menjelaskan pembabitian menteri berkenaan dalam kes pembunuhan seorang wanita bernama Mustakizah.

"...dan kegiatan Datuk Seri Megat Junid berjudi di pejabat. Saya membawa perkara ini kepada Perdana Menteri," katanya.

Megat Junid ketika itu adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Anwar berkata beliau meminta penjelasan Perdana Menteri setelah terlalu banyak soalan dibangkitkan di Parlimen dan ucapan-ucapan yang membabitkan Megat Junid berhubung isu itu.

Mengenai pembunuhan itu, Anwar berkata beliau memberitahu Perdana Menteri apa yang didengarnya melibatkan Megat Junid dan katanya, Perdana Menteri seperti selalu, telah memberikan jawapan yang standard iaitu "I will look into it".

"Apabila saya membawa perkara itu kepada pengetahuan Perdana Menteri, pertama, oleh kerana kes itu melibatkan 'complicity' saya tentunya meminta Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri, mendapatkan maklumat dan kalau benar Megat Junid tidak terlibat sama sekali, dapatlah dibersihkan namanya kerana ketika itu beliau ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri.

"Kedua, kes perjudian, saya rayu kepada Perdana Menteri supaya memberi nasihat kepada Datuk Seri Megat kerana perkara ini telah sampai ke pengetahuan ramai," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun, tiada tindakan diambil terhadap Menteri itu.

Anwar berkata beliau membangkitkan perkara itu kepada Perdana Menteri apabila beliau diminta mengumumkan pelantikan dua menteri penuh baru termasuk Megat Junid ketika beliau (Anwar) memangku tugas Perdana Menteri.

Ketika mendedahkan nama Aziz Shamsuddin, iaitu setiausaha politik Dr Mahathir, Anwar berkata beliau membincangkan mengenai peranan Aziz dalam konspirasi untuk menjatuhkannya kepada Perdana Menteri setelah dimaklumkan oleh Pengarah Cawangan Khas Polis, Datuk Mohd Said Awang.

"Datuk Mohd Said telah memaklumkan saya bahawa Aziz terlibat untuk mendapatkan kerjasama dua orang bernama Taib Salamon dan B.K.Tan untuk memfitnah saya dan Aziz juga tidak senang dengan saya kerana tidak meluluskan kontrak besar untuk anaknya dengan Angkasapuri," katanya.

Anwar berkata dalam kes Aziz, Perdana Menteri lebih positif iaitu pada 31 Ogos 1997 iaitu selepas perbarisan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka, Dr Mahathir telah memintanya ke Seri Perdana dan memaklumkan bahawa beliau juga mendapat maklumat mengenai penglibatan Aziz.

"Dr Mahathir memberitahu saya yang beliau akan bercakap dengan Aziz mengenai hal itu," katanya tetapi menjelaskan yang Aziz telah memberi penjelasan berhubung perkara itu dan memohon maaf serta berjanji tidak akan terlibat lagi.

Anwar memulakan keterangannya dengan memberitahu mahkamah yang beliau dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept 1998.

Selepas itu beliau menerangkan jawatan yang disandangnya dalam Kabinet dari tahun 1983 hingga akhir 1993 apabila beliau dilantik untuk memegang jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan.

Beliau pernah berbincang dengan Dr Mahathir mengenai konspirasi itu seawal tahun 1997 lagi iaitu ketika beliau memangku jawatan Perdana Menteri.

"Desas-desus mengenai kospirasi bermula seawal tahun 1997, ketika memangku tugas Perdana Menteri dan sebahagian daripada Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin parti yang nyata tidak senang dengan pendirian saya mengenai rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran bagi projek-projek mega," katanya.

Beliau berkata perkara itu juga dibincangkan dengan Mohtar dan Ketua Pengarah BPR ketika itu Datuk Shafie Yahya.

Perbincangan dengan Perdana Menteri ialah berkaitan adanya "under current" di kalangan rakyat yang banyak mempertikaikan rasuah dalam kerajaan.

"Saya selaku Timbalan Perdana Menteri yang taat bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat itu kepada Perdana Menteri, lebih-lebih lagi setelah saya dapati Ketua Pengarah BPR dan Yang Berhormat Peguam Negara menyampaikan maklumat kepada saya mengenai kesukaran mengambil tindakan kerana tidak dipersetujui oleh Perdana Menteri," kata Anwar.

Beliau berkata, Said juga mengesahkan kepadanya tentang kegelisahan rakyat dan kritikan rakyat yang mula memuncak ketika itu dan pegawai polis itu juga menghadapi masalah menyampaikannya kepada Perdana Menteri.

Kes rasuah yang pertama dikemukakan kepada Dr Mahathir ialah kes Rafidah, katanya.

Pada peringkat ini, Hakim Datuk Arifin Jaka menegur Fernando kerana membangkitkan nama Menteri berkenaan tetapi setelah dijelaskan ianya bagi membuktikan pembelaan konspirasi, beliau membenarkannya.

-- BERNAMA

NHD SBB PR